



مَجْلِسُ اِئِمَّةِ اِسْلَامِ سِلَانْجُورِ  
**MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR**  
TINGKAT 9 & 10, MENARA UTARA, BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH,  
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.  
TEL : 03-5514 3400 FAX : 03-5512 4042  
Laman Web : [www.mais.gov.my](http://www.mais.gov.my) E-mail : [mail@mais.gov.my](mailto:mail@mais.gov.my)



Rujukan Kami : MAIS.100-9/1/2 (75)  
8 Mac 2024  
Tarikh : 27 Sya'ban 1445H

## KENYATAAN MEDIA

### **MAIS KOMITED UNTUK MEMANTAPKAN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM MELALUI RANG UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (NEGERI SELANGOR) (PINDAAN) 2024**

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) menzahirkan rasa syukur atas kelulusan Rang Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) (Pindaan) 2024 ("RUU 2024") dalam persidangan Dewan Negeri Selangor pada hari ini, 7 Mac 2024. Kelulusan RUU 2024 ini telah diusulkan oleh Y.B Tn. Dr. Mohammad Fahmi bin Ngah, EXCO Agama Islam & Pembudayaan Inovasi.

RUU 2024 ini bertujuan untuk menambah baik pentadbiran hal ehwal agama Islam di Negeri Selangor berkaitan dengan pengurusan perintah bersaling bagi Mahkamah Syariah, pelantikan Timbalan Ketua Pendakwa Syarie, pengurusan tauliah mengajar agama Islam dan pemerkasaan pengurusan halal.

Dengan kelulusan RUU 2024 ini, MAIS beriltizam untuk memantapkan lagi pengurusan agama Islam di negeri Selangor sejajar dengan undang-undang dan Hukum Syarak dengan kerjasama yang padu daripada agensi agama Islam yang lain di negeri Selangor. Ini selaras dengan kewajipan MAIS di bawah subseksyen 7(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 iaitu untuk menggalakkan, mendorong dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di Negeri Selangor.

MAIS.100-9/1/2 (75)  
8 Mac 2024  
27 Sya'ban 1445H

MAIS selanjutnya merakamkan penghargaan kepada Y.B Tn. Dr. Mohammad Fahmi bin Ngah, EXCO Agama Islam & Pembudayaan Inovasi kerana membentangkan RUU 2024 ini. MAIS juga mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Sektor Undang-undang MAIS, Jabatan Agama Islam Selangor, Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor, Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri dan semua pihak yang telah berusaha dalam menyediakan RUU 2024 ini. MAIS juga turut mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Dewan Negeri Selangor yang telah memberi sokongan dan meluluskan RUU dalam usaha memperkasa pengurusan hal ehwal Islam di Negeri Selangor yang dipertanggungjawabkan di bawah MAIS.

Semoga dengan penguatkuasaan RUU 2024 ini nanti akan memberi nilai tambah dalam pemerkasaan pengurusan agama Islam di negeri Selangor dan menjadi penanda aras kepada pemantapan pentadbiran agama Islam khususnya berkaitan dengan halal di negara ini.



**TAN SRI DATO' SERI ABDUL AZIZ BIN MOHD YUSOF**  
Pengerusi  
Majlis Agama Islam Selangor